



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN
DIPLOMA ISLAMIC BANKING AND FINANCE**

**PRODUK INOVASI E – MAKLUMAT (I-RIBA) MENGIKUT
PERSPEKTIF ISLAM
KELAS DIB5B (GROUP 8)**

NAMA	NO PENDAFTARAN
MUHAMMAD AIMAN BIN KHAIRUL ANWAR	10DIB19F1010
NURAZREEN BINTI AZMI	10DIB19F1037
NOR ARWANI ARISHA BINTI MOHAMMAD NOOR	10DIB19F1053
MUHAMMAD ZULHAIKAL BIN MOHD. KAMARUDIN	10DIB19F1070
MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD RIDZUAN	10DIB19F1203

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
 BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2 - 5
1.3 Pernyataan masalah	6 - 9
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Justifikasi kajian	10 - 11
1.6 Skop projek	11
1.7 Takrifan Istilah	12
1.8 Kepentingan Kajian	12 - 14

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Kajian-Kajian Lepas	15
2.2.1	Kajian Lepas Berkaitan Larangan Riba Di Dalam Perspektif Islam	15 - 16
2.2.2	Kajian Lepas Berkaitan Keberkesanan e-maklumat	17

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	18
3.2	Rekabentuk Kajian	18
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	18 - 22
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	23 - 30
3.2.3	Bahan dan Peralatan	31
3.2.4	Kaedah Analisis Data	32 - 33

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	34
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	
4.2.1	Projek Jenis Nyata	34 - 39
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	40
4.3.1	Impak Produk	40
a)	Impak Produk Terhadap Kos	40
b)	Impak Produk Terhadap Masa	40 - 41

c)	Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk	41
4.4	Kos Penghasilan Projek	41

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	42
5.2	Kesimpulan	42
5.3	Cadangan	
5.3.1	Cadangan kepada pelajar politeknik.	43
5.3.2	Cadangan kepada masyarakat lain.	43
5.3.3	Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang.	44
5.4	Limitasi Kajian	44
5.5	Rumusan	44-45

RUJUKAN	46 - 47
----------------	---------

LAMPIRAN

Lampiran 1	48
Lampiran 2	49
Lampiran 3	50

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 Business Project**, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk Produk Inovasi E-Maklumat (I-Riba) Mengikut Perspektif Islam telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN RASYIDAH BINTI SHAHABUDDIN

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan :

Nama: MUHAMMAD AIMAN BIN KHAIRUL ANWAR

No. Pendaftaran: 10DIB19F1010

2. Tandatangan:

Nama: NURAZREEN BINTI AZMI

No. Pendaftaran: 10DIB19F1037

3. Tandatangan:

Nama: NOR ARWANI ARISHA BINTI MOHAMAD NOOR

No. Pendaftaran: 10DIB19F1053

4. Tandatangan:

Nama: MUHAMMAD ZULHAIKAL BIN MOHD KAMARUDIN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1070

5. Tandatangan:

Nama: MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD RIDZUAN

No. Pendaftaran: 10DIB19F1203

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project** yang bertajuk Produk Inovasi E-Maklumat (I-Riba) Mengikut Perspektif Islam bagi Sesi 1 2021/2022.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Puan Rasyidah Binti Shahabuddin, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project**. Produk Inovasi E-Maklumat (I-Riba) Mengikut Perspektif Islam bagi program Diploma Kewangan Dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Di dalam Al-Quran, dapat dijelaskan bahawa riba merupakan salah satu amalan yang dilarang di dalam perspektif Islam. Dari segi Islam, riba merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud bertambah, berkembang, meningkat atau meninggi. Dari segi istilah pula, riba bermaksud lebihan yang akan dikenakan di dalam urusan jual beli hutang piutang dan pertukaran mata wang. Di dalam konteks ini, isu yang diketengahkan oleh pengkaji ialah kemusykilan pelajar politeknik berkaitan konsep riba di dalam Islam. Justeru itu, objektif utama pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu-isu berkaitan dengan riba. Untuk mengenal pasti pemahaman pelajar politeknik berkaitan isu riba, pengkaji telah menjalankan satu kaedah analisis data yang dikenali sebagai analisis SWOT. Kaedah analisis SWOT ini merupakan kaedah yang digunakan untuk memahami kekuatan dan kelebihan dalam penciptaan sesuatu produk inovasi. Selepas mengenal pasti isu berkaitan riba, pengkaji telah menghasilkan satu produk inovasi yang dapat memberikan pemahaman yang cukup ringkas dan jelas kepada pelajar politeknik dan komuniti lain. Produk inovasi yang dihasilkan telah diedarkan dan hasil dapatan kajian menunjukkan keputusan sangat positif dari segi penerimaan produk inovasi e-maklumat yang disampaikan oleh pengkaji. Berdasarkan produk inovasi yang dihasilkan oleh pengkaji, produk ini mempunyai nilai komersial yang baik. Hal ini kerana isi kandungan dan infografik yang terdapat di dalam produk inovasi e-maklumat ini bersesuaian dengan pembelajaran alaf baru pada masa kini dan mampu menarik minat pelajar untuk menggunakannya. Secara kesimpulannya, dapat dijelaskan bahawa objektif atau matlamat yang diharapkan oleh pengkaji dalam pembangunan produk inovasi ini adalah tercapai. Hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan dan analisis SWOT yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa produk inovasi yang dibangunkan ini boleh diguna pakai oleh pelajar dan masyarakat yang lain untuk dijadikan sumber rujukan sama ada pada masa kini atau pada masa yang akan datang.

Kata kunci : riba, e-maklumat

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, justifikasi kajian, skop projek, takrifan istilah dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan mengenai larangan riba di dalam perspektif Islam. Sebagai salah seorang penuntut di sebuah institusi pengajian tinggi iaitu di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang, sebagai pihak pengkaji merasa terpanggil untuk menyelesaikan masalah di dalam beberapa aspek pembelajaran dan pengetahuan am terutamanya di dalam kalangan para pelajar. Kajian yang dimaksudkan itu adalah mengenai masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar berkaitan dengan kemosykilan dengan konsep larangan riba di dalam Islam. Tujuan utama pengkaji memilih tajuk ini untuk diketengahkan adalah kerana untuk memberikan penjelasan dan kefahaman yang tepat kepada para pelajar. Pada masa yang sama, bab ini juga membincangkan mengenai sistem inovasi pembelajaran melalui dalam talian iaitu e-maklumat yang bakal diciptakan oleh pihak pengkaji sendiri.

Selain itu, kajian ini juga dipercayai dapat memberikan sumbangan yang amat besar dan berharga kepada para pelajar politeknik secara khususnya untuk menggunakan kemudahan sistem e-maklumat sebagai bahan rujukan dalam pembelajaran mereka. Melalui sistem inovasi e-maklumat yang bakal diciptakan oleh pihak pengkaji ini secara tidak langsung memberikan impak yang positif kepada para pelajar. Dalam pada itu, pelbagai nota berkaitan dengan riba akan dimasukkan di dalam sistem inovasi e-maklumat ini yang bertujuan dijadikan sebagai bahan rujukan atau maklumat tambahan kepada mereka. Sistem e-maklumat ini juga tidak dapat dinafikan bahawa ianya salah satu sistem yang mudah didapati serta dapat digunakan di dalam pelbagai peranti elektronik pada masa kini. Justeru itu, pihak pengkaji berasa yakin dengan hasil inovasi yang diciptakan kelak yang mana akan memberi kemudahan kepada para pelajar untuk belajar dengan lebih baik dan berkesan selaras dengan pembelajaran abad ke-21.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Riba secara umumnya ialah penambahan nilai barang yang tertentu dan penambahan jumlah bayaran yang terdapat di dalam transaksi hutang. Menurut Muhammad Tho'in (2016) riba dari segi bahasa ialah tambahan (ziyadah) atau tumbuh dan membesar. Dari segi Islam, riba merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud bertambah, berkembang, meningkat atau meninggi. Menurut Mohd Shukri Adinan (2013) riba dari segi istilah bermaksud lebihan yang akan dikenakan di dalam urusan jual beli, hutang piutang dan pertukaran mata wang. Dari sudut yang lain, riba juga boleh dimaksudkan dengan faedah berganda dikenakan yang boleh membebankan kepada sesiapa yang berhutang. Berikut adalah salah satu dalil yang sahih mengenai pengharaman riba di dalam agama Islam.

"Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai peringatan dari Tuhananya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (Al – Baqarah (2:275))

Seperti yang diketahui, riba telah disepakati keharamannya oleh seluruh para ulama Islam. Riba bukan sahaja diharamkan di dalam agama Islam bahkan agama-agama samawi yang lain juga turut mengharamkan perniagaan yang melibatkan riba. Secara umumnya, pihak pengkaji ingin menyatakan jenis-jenis riba iaitu riba ‘ad-Duyun’ dan riba ‘al-Buyu’. Dua jenis riba ini pula mempunyai pecahan jenis riba yang tersendiri. Riba ‘ad-Duyun’ bermaksud riba yang berlaku di dalam urusan hutang piutang manakala riba ‘al-Buyu’ pula adalah riba yang berlaku di dalam urusan jual beli barang yang berkaitan dengan barang ribawi. Di sini pihak pengkaji ingin menekankan konsep perbezaan antara dua jenis riba yang telah dinyatakan di atas. Tujuan utama adalah untuk memberikan kefahaman kepada para pelajar supaya dapat membezakan jenis-jenis riba yang telah dilarang di dalam Islam.

Pertama sekali, riba yang berkaitan riba ‘ad-Duyun’ ialah riba ‘al-Qardh’ atau lebih dikenali lagi dengan riba yang melibatkan transaksi pinjaman. Riba pinjaman ini adalah sesuatu faedah atau manfaat yang telah disyaratkan ke atas hutang piutang yang diberikan oleh seseorang. Sebarang faedah atau manfaat yang dinyatakan telah dipersetujui oleh pihak peminjam pada masa pinjaman tersebut dilakukan. Seterusnya, ialah riba ‘al-Jahiliyyah’ yang berlaku apabila sebarang faedah atau manfaat tambahan dikenakan apabila pembayaran balik pinjaman dilakukan lebih daripada tempoh yang sepatutnya dibayar sama ada disebabkan kelewatan atau penangguhan. Riba ‘al-Jahiliyyah’ ini menunjukkan bukan sahaja berkaitan meminjam wang sahaja tetapi ianya juga terlibat di dalam urusan meminjam barang. Riba jenis ini sering berlaku di dalam bank konvensional.

Riba ‘al-Buyu’ mempunyai dua jenis iaitu Riba ‘al-Fadhl’ dan Riba ‘an-Nasak’. Menurut Mohd Shukri Adinan (2013) Riba ‘al-Fadhl’ berkaitan dengan pertambahan atau perbezaan kuantiti dalam urusan pertukaran atau jual beli barang yang mempunyai jenis yang sama di dalam kategori barang ribawi. Barang ribawi ialah barang yang telah disebutkan oleh Nabi Muhammad S.A.W sebagai barang yang tidak boleh ditukar dengan barang yang sama secara berlebihan atau berlainan kuantiti. Terdapat enam jenis barang yang telah disepakati dan dikategorikan sebagai barang ribawi oleh para ulama’ iaitu emas, perak, gandum, jagung, kurma dan garam. Riba ‘an-Nasak’ atau ‘Nasiah’ ialah penangguhan penyerahan atau penerimaan jenis barang ribawi. Riba ini wujud kerana berlakunya perbezaan, perubahan atau tambahan masa sama ada pada masa tersebut atau di kemudian hari pertukaran barang tersebut dilakukan. Contoh situasi yang dapat disimpulkan untuk riba jenis ini ialah membeli emas secara bertangguh atau berhutang. Sebagai contoh, mendapat emas pada hari ini tetapi bayaran tersebut dibuat selepas beberapa hari atau membuat bayaran pada hari ini tetapi emas dapat pada kemudian hari atau minggu hadapan.

Berikut pihak pengkaji akan meneruskan penjelasan mengenai isu-isu semasa berkaitan dengan riba yang mana sering berlaku di dalam institusi perniagaan dan ekonomi Islam. Isu berkaitan riba ini tidak pernah selesai walaupun pada ketika ini sudah mempunyai teknologi canggih. Pada ketika ini, isu yang melibatkan riba telah mendapat liputan yang meluas di dalam seluruh saluran seperti artikel, media massa, akhbar dan sebagainya. Sebagai pihak pengkaji, isu yang berkaitan riba ini sudah tidak asing lagi didengari oleh semua pelajar politeknik. Menurut Basri Ibrahim (2009), isu yang sering berlaku ialah jual beli dengan

harga tangguh (*al-Bay Bi Thaman al-Ajil*). Situasi yang dapat dikaitkan adalah apabila seseorang penjual menjual barang kepada individu yang lain dan menyatakan harga secara tunai ialah RM200, manakala secara ansuran atau hutang selama dua tahun ialah sebanyak RM250. Pembeli membuat keputusan untuk membeli secara ansuran maka pembeli perlu membayar RM250 dalam tempoh dua tahun. Pembayaran secara ansuran lebih RM50 daripada harga tunai dan kontrak dilakukan berdasarkan kepada harga tersebut. Bentuk ini menimbulkan perselisihan di dalam kalangan para ulama. Sesetengah ulama mengatakan bahawa harus akan kontrak jual beli seperti ini walaupun penjual mengenakan bayaran tambahan kepada pembeli sebagai ganjaran dari penangguhan tempoh tersebut. Terdapat firman Allah S.W.T seperti yang berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu...” (Surah al-Nisa’, 4: 29).

Allah S.W.T telah menghalalkan seluruh jenis perniagaan walaupun dengan kaedah jualan secara harga tangguh atau ansuran beserta dengan tambahan harga kerana ia termasuk di dalam jenis perniagaan.

Selain itu, menurut Basri Ibrahim (2009) isu yang turut mendapat perhatian dan sering berlaku ialah menyimpan wang di bank yang mempunyai aktiviti berunsurkan riba kerana keadaan yang memaksa dan keperluan pelanggan mengambil faedah. Qal’ahji telah menyatakan bahawa harus bagi seseorang Islam menyimpan wang di dalam bank yang berlandaskan riba jika di negeri atau negara tersebut tidak mempunyai perbankan Islam. Hal ini kerana ia merupakan situasi yang darurat. Hasil yang diberikan oleh bank tersebut atas penyimpanan wang pelanggan Islam itu diharuskan untuk mengambil tetapi dengan syarat tidak boleh mencampurkannya dengan harta sendiri. Untuk lebih mudah difahami, hasil riba tersebut hanya boleh dibelanjakan untuk kepentingan umum bagi orang Islam. Hal ini kerana, bagi pendapat ulama fiqh telah bersepakat bahawa tidak ada seseorang pun yang berhak menggunakan hasil riba tersebut kerana ia diibaratkan sebagai harta haram. Hasil riba ini tidak mempunyai kedudukan yang jauh dengan harta rampasan, upah pelacuran, aktiviti fasik dan sebagainya. Jelas di sini dapat dinyatakan sekiranya berlaku darurat kepada seseorang

Islam tersebut, seseorang itu tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan wang dari hasil riba tersebut untuk penggunaan dirinya sendiri.

Menurut Basri Ibrahim (2009) isu lain yang kian mendapat liputan hangat juga ialah membeli saham di sesebuah syarikat yang terikat dengan aktiviti riba. Terdapat ulama yang mengharuskan untuk membeli saham di syarikat tersebut di mana tujuan asal penubuhannya adalah berteraskan urus niaga yang halal namun terdapat sesetengah urusan yang berkaitan dengan riba. Qal‘ahji berpendapat seseorang yang berurus dengan syarikat adalah harus kerana pada masa kini tidak ada syarikat besar yang menyimpan wang di dalam bank. Hal ini akan memberikan masalah dan kemudarat kepada syarikat sekiranya harta syarikat tersebut hanya disimpan di dalam simpanan bank. Selain itu, menjadi kewajipan kepada golongan yang memiliki saham dalam syarikat itu untuk mengeluarkan bahagian yang telah tercampur dengan riba untuk membelanjakannya kepada kepentingan orang-orang Islam. Tambahan pula, unsur haram yang terdapat dalam pelaburan syarikat berkait rapat dengan riba ini hanyalah bersifat ikutan semata-mata dan bukannya sebagai asas utama. Sebagai contoh dengan membantu golongan yang memerlukan atau yang berada di dalam kesusahan.


1.3 PERNYATAAN MASALAH

Isu kajian ini secara umumnya, memfokuskan berkaitan dengan data pinjaman pendidikan. Merujuk kepada Jadual 1.1 menunjukkan data atau statistik yang mana memberi gambaran secara keseluruhan berkaitan dengan unsur–unsur riba di dalam pinjaman pendidikan. Hal ini sering menjadi isu terhadap di kalangan pelajar terutamanya pelajar politeknik. Manakala Rajah 1.1 pula menunjukkan punca masalah hutang di Malaysia adalah disebabkan kegagalan pengurusan kewangan yang baik. Disebabkan itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan kefahaman dalam kalangan pelajar mengenai riba kerana pelajar akan terlibat secara tidak langsung dalam membuat pinjaman pendidikan dan pinjaman–pinjaman yang lain seterusnya dapat menguruskan kewangan diri sendiri dan juga keluarga. Oleh sebab itu, produk inovasi yang akan dibangunkan oleh pihak pengkaji ini diharapkan dapat membantu kefahaman mengenai isu riba di kalangan pelajar politeknik.

Jenis Pinjaman Pendidikan	Jumlah Pinjaman	Kadar Bunga	Jangka Waktu Bayaran (Tahun)	Bayaran balik	Jumlah Kadar Bunga
PTPTN	RM60,000	3%	10	RM71,759	RM11,759
PTPTN (berdasarkan Ujrah)	RM60,000	1%	10	RM66,000	RM6,000
Bank Komersil	RM60,000	8%	10	RM95,329	RM35,329

Jadual 1.1: Data pinjaman pendidikan (PTPTN)

Isu yang sering menjadi masalah adalah penggunaan amalan riba dalam sistem kewangan yang khususnya bagi kalangan pengkaji masih tidak mempunyai pendedahan yang meluas. Hal ini kerana, pada masa kini masih banyak institusi perbankan terutamanya perbankan konvensional yang masih menjalankan urusan riba seperti pinjaman pelajaran di dalam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Pihak PTPTN tidak boleh mengenakan sebarang caj terhadap pinjaman yang diberikan. Contohnya, sekiranya pihak PTPTN mengenakan kadar sebanyak tiga peratus untuk menampung kos perkhidmatan mereka, maka ia akan mewujudkan riba kerana terdapat pertambahan yang berlaku. Dari segi transaksi melakukan pinjaman pula, lebihan yang dikenakan ke atas pihak peminjam sudah tertakluk di dalam unsur-unsur riba. Hal ini kerana dapat dijelaskan bahawa pinjaman untuk penggunaan tersebut bertujuan sebagai perbelanjaan secara hangus dan bukannya untuk tujuan yang boleh mendatangkan keuntungan pada jangka masa yang akan datang. Kos perkhidmatan ini dapat diklasifikasikan sebagai lebihan yang dikenakan ke atas pinjaman bagi pendidikan juga dikira sebagai riba dan merupakan salah satu bentuk penindasan kepada pihak peminjam. Penindasan ini sememangnya berlaku kepada pelajar IPT khususnya pelajar politeknik. Sebab-sebab utama pelajar IPT ini melibatkan diri dalam pinjaman PTPTN ini adalah kerana pelajar terdesak untuk memenuhi perbelanjaan harian mereka sepanjang berada di kampus pengajian. Secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa pihak pemberi hutang (PTPTN) akan mengambil kesempatan dengan mengenakan kadar bunga yang tinggi dan boleh menindas serta membebankan pelajar yang meminjam. Disebabkan itu, pengkaji perlu memandang serius terhadap isu tersebut yang membuatkan amalan yang melibatkan riba adalah salah disisi undang-undang Islam. Berkaitan isu tersebut, apabila jumlah pinjaman yang mula dipinjam adalah tidak sama dengan jumlah pinjaman yang akan dibayar kembali kerana mempunyai kadar tambahan atau bunga. Hal ini kerana terdapat unsur penambahan riba dalam pinjaman tersebut dan pengkaji haruslah menitikberatkan hal-hal seperti itu.



Rajah 1.1: Punca Masalah Hutang Di Malaysia

Di samping itu, menurut Prof Dr. Mohd Nazari Ismail (2019), isu riba sering menjadi punca kemiskinan. Masalah ini berlaku kerana terdapat sistem ekonomi dan kewangan terhadap industri hutang yang berleluasa disebabkan amalan riba. Sistem perbankan yang terdapat di negara kita telah mengikuti jejak langkah yang sama dengan perbankan yang berada di negara-negara barat dengan menerapkan amalan yang berunsurkan kegiatan atau aktiviti yang melibatkan riba. Hal ini dapat dibuktikan bahawa industri perbankan ini sentiasa mencipta ‘wang baharu’ apabila memberikan hutang kepada pihak pelanggan. Untuk pemahaman pelajar lagi berkenaan dengan isu ini, masalah yang terdapat di dalam industri perbankan di Malaysia secara jujurnya adalah tidak memerlukan sebarang deposit daripada mana-mana pihak untuk memberikan hutang tersebut kepada setiap pelanggannya. Bukan itu sahaja, setiap transaksi hutang yang diberikan itu perlulah direkodkan dalam bentuk deposit yang mana merupakan hasil yang dipungut daripada sumber dana untuk sesebuah bank memberikan hutang. Disebabkan aktiviti ini tidak dapat dikawal dan dibendung dengan baik, maka secara tidak langsung masalah riba dan kemiskinan di negara kita ini tidak dapat diselesaikan, malah akan menjadi lebih teruk serta membebangkan sesetengah masyarakat yang kurang berkemampuan.

Isu yang selanjutnya adalah mengenai riba adalah kegagalan dalam perniagaan yang diceburi akibat mengandungi aktiviti pinjaman yang berasaskan unsur-unsur riba. Menurut Hasniza Hussain (2020), solusi berkaitan pinjaman riba ini yang masih diamalkan di dalam negara ini adalah merupakan salah satu punca orang Islam masih tidak mampu mahupun gagal dalam bidang perniagaan. Pengasas bagi Kumpulan Brainy Brunch dan Malakat Mall, saudara Mohd Fadzil Hashim menjelaskan bahawa sudah terbukti masyarakat secara khususnya umat Islam di Malaysia ini masih melibatkan diri dalam melakukan pinjaman berunsurkan riba. Sudah diketahui bahawa amalan riba ini merupakan salah satu amalan yang dilarang oleh Allah S.W.T dan bercanggah di dalam prinsip syariah. Namun, masih ramai lagi masyarakat yang tidak peka akan akibat sekiranya mengambil riba. Oleh disebabkan itu, masyarakat yang masih menggunakan transaksi riba sebagai pinjaman untuk tujuan perniagaan ini perlulah dielakkan bagi memastikan sesbuah perniagaan tersebut suci daripada unsur-unsur yang diharamkan. Masalah ini juga dilihat berlaku kerana sesetengah masyarakat yang terlalu terdesak untuk meneruskan perniagaan disebabkan tidak mempunyai modal yang mencukupi. Dengan itu, masyarakat akan mengambil jalan yang mudah dengan membuat pinjaman riba untuk meneruskan kelangsungan perniagaan.

Justeru itu, penghasilan produk inovasi yang akan dibuat diharap dapat menyelesaikan permasalahan terhadap ketidakfahaman amalam riba di dalam kehidupan seharian pelajar politeknik. Para pelajar juga dapat meningkatkan kefahaman mereka agar tidak mudah terpesong pada masa yang akan datang.

Dengan terhasilnya produk inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan para pelajar untuk lebih mengetahui dan memahami secara umum tentang bahayanya riba dan dapat menyelesaikan masalah ketidakfahaman pelajar terhadap isu riba. Penciptaan sistem inovasi seperti e-maklumat (I-riba) ini mempunyai sumber rujukan yang berlandaskan shariah dan sumber-sumber yang sahih iaitu daripada Al-Quran dan Hadis.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji menjalankan projek ini untuk :

- 1) Mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu – isu riba mengikut perspektif Islam.
- 2) Membangunkan bahan ilmiah berbentuk e-maklumat (i-riba) berkaitan isu-isu riba mengikut perspektif Islam.

1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN

a) Justifikasi pemilihan kaedah analisis SWOT/analisis keperluan dan kepenggunaan

Berdasarkan pemerhatian pengkaji pemilihan produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam merupakan kaedah yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu-isu riba mengikut perspektif Islam. Dengan adanya inovasi ini, proses memahami dan mengingati maklumat berkaitan riba dapat dilakukan dengan efisien dan sistematik. Pengkaji memilih kaedah SWOT untuk membangunkan sitem inovasi e-maklumat (i-riba). Hal ini kerana analisis SWOT merupakan satu kaedah kajian yang dapat digunakan pengkaji untuk mengenal pasti *Strength* (kekuatan), *Weakness* (kelemahan), *Opportunities* (peluang) dan *Threats* (halangan) ketika membangunkan produk inovasi. E-maklumat (i-riba) akan dibangunkan oleh pengkaji secara bentuk digital, isi kandungan yang menarik, bentuk penulisan yang mudah difahami dan mempunyai maklumat yang tepat. Pembangunan e-maklumat (i-riba) dilakukan secara bentuk digital. Hal ini kerana pengkaji mengenal pasti peluang yang ada untuk memudahkan para pengguna mendapatkan kefahaman dengan lebih mudah selaras dengan keadaan semasa. Para pengguna dapat mengakses e-maklumat (i-riba) hanya dengan menggunakan peranti seperti telefon pintar dan komputer riba. Seterusnya, e-maklumat (i-riba) ini juga mempunyai isi kandungan yang menarik. Di dalam inovasi ini, pengkaji akan menggunakan paparan latar belakang maklumat yang bercorak serta mempunyai warna yang pelbagai. Ini dapat merangsang minat pengguna agar membaca maklumat yang terkandung. Selain itu, meletakkan bentuk penulisan yang menarik menjadi focus utama pengkaji bagi memastikan objektif tercapai. Pengkaji menggunakan kaedah penulisan maklumat berkaitan riba secara peta minda dan penulisan secara bentuk ayat ringkas (*point*) ke dalam e-maklumat (i-riba).

Perkara ini dapat memudahkan pengguna untuk memahami maklumat berkaitan dengan mudah dan jelas. Tambahan pula, e-maklumat (i-riba) mempunyai maklumat yang tepat. Ini disebabkan pengkaji membuat pengesahan berkaitan maklumat riba kepada individu yang mahir dalam ilmu berkaitan riba sebelum membenarkan inovasi ini digunakan oleh pengguna. Dari segi kos proses pembangunan e-maklumat (i-riba), kos yang diguna adalah menjimatkan bagi pihak pengkaji. Hal ini kerana, kos bagi pembangunan inovasi ini tidak menggunakan sebarang bayaran upah kepada pihak lain dan inovasi ini hanya dibangunkan oleh pihak pengaji sahaja. Dari segi penggunaan masa untuk membangunkan e-maklumat (i-riba), ianya tidak mengambil tempoh masa yang panjang.

1.6 SKOP PROJEK

Produk inovasi ini secara umumnya tertumpu kepada kemaslahatan umat Islam. Merujuk kepada kajian pengkaji, produk inovasi e-maklumat (i-riba) ini akan digunakan khususnya kepada pelajar politeknik untuk memberikan kefahaman mengenai isu berkaitan riba mengikut perspektif Islam. Secara khususnya, terdapat dua objektif utama kajian ini dilakukan iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu-isu berkaitan riba mengikut perspektif Islam. Kedua, membangunkan bahan ilmiah berbentuk e-maklumat (i-riba) berkaitan isu-isu riba mengikut perspektif Islam. Terdapat dua batasan yang terlibat dalam kajian iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada pernyataan masalah yang terdapat melalui hasil perbincangan yang dilakukan pengkaji. Batasan kedua ialah batasan analisis yang merujuk kepada penggunaan analisis dan kaedah SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.7 TAKRIFAN KAJIAN

1.7.1 Perkataan Riba bermaksud lebihan yang dikenakan dalam urusan jual beli, hutang piutang dan pertukaran mata wang. Riba juga bermaksud faedah berganda yang boleh membebankan kepada sesiapa yang berhutang. (Mohd Shukri Adinan, 2013)

1.7.2 Riba bermaksud ‘pertambahan modal diperolehi dari harta orang lain’. Urusniaga sedemikian bukanlah berbentuk perniagaan. Allah S.W.T menghalalkan transaksi perniagaan dan mengharamkan kegiatan riba. Di dalam riba, kerugian seseorang adalah keuntungan bagi seseorang yang lain. (Imran N. Hosein, 2012)

Sumber dari buku (Masjid Jamiah, City of San Fernando. 70, Mucurapo Street, San Fernando, Trinidad and Tobago)

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

A) Kepentingan kajian kepada pelajar politeknik

Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman supaya mudah untuk difahami oleh para pelajar politeknik secara khususnya terhadap amalan riba berdasarkan daripada pengumpulan maklumat-maklumat yang sahih daripada sumber Al-Quran dan Hadis. Selain itu, pengumpulan maklumat ini juga boleh didapati melalui artikel-artikel yang menjadi bukti bahawa riba adalah aktiviti yang ditegah dan dilarang di dalam Islam. Kajian ini perlu diperluas di dalam kalangan pelajar politeknik terutamanya pelajar yang beragama Islam agar tidak berlakunya masalah ini pada masa akan datang. Kajian ini lebih memfokuskan kepada pelajar politeknik kerana mereka merupakan generasi muda yang lebih berisiko untuk mudah terjebak dalam aktiviti riba di alam pekerjaan kelak. Justeru itu, pengetahuan yang diberikan ini mampu membantu dan memberi peluang kepada pelajar untuk sentiasa berhati-hati dalam memilih pekerjaan pada masa akan datang.

B) Kepentingan kajian kepada masyarakat

Kajian ini dapat memberikan pengetahuan serta manfaat kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang bekerja. Hal ini kerana golongan yang bekerja mempunyai lebih banyak risiko untuk terjebak dengan aktiviti yang berkaitan dengan riba. Hal ini disebut kerana golongan yang bekerja sangat mudah untuk mengeluarkan wang jika berkaitan dengan saham, pinjaman serta insurans. Disebabkan faedah yang ditawarkan, telah memukau setiap pelanggan tanpa mengetahui unsur yang membolehkan riba itu berlaku di dalam aktiviti kewangan yang mereka terlibat. Perkara ini akan merugikan diri dari aspek dosa dan pahala. Seterusnya, bagi masyarakat yang lain juga dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan mereka pada suatu hari nanti di saat mereka ingin melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan dan lain-lain. Selain itu, kajian ini berfungsi untuk memberi kesedaran tentang hakikat pengharaman riba secara keras oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran dan Hadis serta hukuman yang setimpal dikenakan kepada seseorang individu sekiranya mengamalkan amalan riba di dalam kehidupan seharian. Untuk mendapatkan rezeki yang diberkati oleh Allah S.W.T, setiap masyarakat perlu sedaya upaya menghindarkan diri daripada terlibat dengan riba. Bagi yang telah terlibat, boleh menggunakan wang tersebut ke jalan yang benar seperti sedekah. Oleh yang demikian, masyarakat perlulah meninggalkan aktiviti tersebut dan segera bertaubat. Kesimpulannya, pengetahuan yang diberikan ini mampu memberikan impak positif kepada masyarakat yang akan menggunakan produk inovasi yang dibangunkan oleh pengkaji.

C) Kepentingan kajian kepada pengkaji akan datang

Kajian ini amat berguna dan memberikan manfaat kepada pihak pengkaji pada masa akan datang untuk mencari informasi atau maklumat serta bukti yang sahih mengenai amalan riba mengikut perspektif Islam. Hal ini kerana, kajian yang dilakukan oleh pengkaji sangatlah terperinci dan mudah untuk difahami tidak kira pada masa kini atau pada masa akan datang. Di samping itu, hasil kajian yang didapati ini mampu memberikan pengetahuan yang meluas secara tidak langsung kepada pengkaji akan datang mengenai amalan riba yang kini tidak dinafikan telah diterapkan di dalam institusi-institusi perbankan dan kehidupan seharian. Terdapat pelbagai jenis riba yang digunakan di dalam kehidupan seharian namun ianya tidak dapat dikenal pasti disebabkan tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan sumber yang benar-benar sahih berkaitan riba. Dengan berbekalkan teknologi yang canggih dan kian berkembang maju, pihak pengkaji berasa percaya dan yakin bahawa pengkaji akan datang mampu memberikan impak yang positif untuk memperoleh ilmu pengetahuan yang lebih meluas dan mendalam mengenai isu-isu riba di sisi agama Islam.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkut paut dengan topik kajian ini, iaitu produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan larangan riba di dalam perspektif Islam.

2.2.1 Kajian Lepas Berkaitan Larangan Riba Di Dalam Perspektif Islam

Terdapat 6 kajian lepas yang berkaitan dengan isu riba. Menurut Mayuki Mayuki (2020), riba merupakan kajian utama di dalam isu muamalah. Riba telah menjadi bukti kezaliman serta ketidakadilan yang diamalkan oleh masyarakat pada hari ini. Islam merupakan agama yang membawa rahmat bagi seluruh alam semesta yang sangat menentang dengan tegas akan pengamalan riba yang dilakukan oleh masyarakat. Orang yang memakan hasil riba diibaratkan seperti menghidap penyakit gila. Dapat dijelaskan bahawa Allah S.W.T telah menghalalkan transaksi jual beli dan mengharamkan amalan riba. Selain itu, menurut Restyka Puspita & Ana Maghfirah (2019), ajaran Islam telah melarang daripada terlibat dengan aktiviti yang berunsurkan riba. Sebahagian ulama menganggap riba merupakan satu amalan yang bercanggah dengan Islam. Pengharaman riba dalam Islam bergantung kepada akal pemikiran manusia kerana bahagian utama pengharaman riba ialah menghapuskan segala bentuk pengaruh nafsu, kejahilan, serta kelemahan yang membawa kepada kezaliman dan ketidakadilan.

Di samping itu, menurut Muhammad Tho'in (2016), riba merupakan tambahan yang disyaratkan kepada orang yang meminjam wang akibat penangguhan pembayaran dalam masa yang telah ditetapkan. Penambahan yang disyaratkan ini merupakan suatu ancaman yang diibaratkan seperti orang yang mabuk tidak dapat berdiri, melainkan berdiri seperti orang yang dirasuki syaitan. Orang seperti ini akan dimasukkan ke dalam api neraka dan kekal selama-lamanya. Kajian yang dijalankan ini dapat memupuk sikap tolong-menolong dan memberi pengajaran bahawa jangan sesekali untuk mengambil kesempatan terhadap orang yang berada di dalam kesusahan. Seterusnya, menurut Efa Rodiah Nur (2015), riba ialah suatu tinjauan hukum dan etika dalam transaksi perniagaan di dalam era moden masa kini. Dari sudut etika transaksi Islam, menyalahi hak undang-undang disebabkan ketidakjelasan, eksplorasi dan tidak produktif. Sedangkan di dalam sistem ekonomi yang sebenar telah menekankan produk yang jelas, kewajaran dan kejujuran di dalam perdagangan serta adil.

Sementara itu, menurut Hisam Ahyani (2020), amalan riba di dalam ekonomi merupakan masalah khilafiyah walaupun hukum bunga yang dikenakan pada mulanya bermaksud saling bertoleransi serta menghormati pendapat ulama. Hal ini kerana para ulama telah berusaha dalam berijtihad menemukan hukum sebenar riba tetapi pada akhirnya pendapat mereka tetap berbeza. Riba turut memberi kesan kepada beberapa sektor antaranya kesan kepada ekonomi, semakin tinggi caj bunga dikenakan, semakin tinggi harga yang akan ditetapkan pada sesuatu barang. Kesan kepada sosial pula ialah riba membuatkan pendapatan yang diterima secara tidak adil. Akhir sekali, menurut Risanda Alirastra Budiantoro (2018), sistem ekonomi Islam dipercayai menjadi jawapan kepada masalah riba. Tujuannya untuk mencapai *Al-Falah* secara *kaffah* dengan tidak melakukan sesuatu kegiatan yang melanggar syariat Islam. Riba sering berlaku dalam semua aspek kehidupan manusia terutamanya di dalam transaksi ekonomi. Riba ialah pertambahan sama ada dalam transaksi jual beli atau pinjaman yang bertentangan dengan prinsip muamalah Islam. Larangan riba dijelaskan di dalam Al-Quran dan Hadis, sehingga para ulama dengan tegas mendefinisikan hukum amalan riba adalah haram kerana terdapat isu eksplorasi yang boleh memudaratkan orang Islam. Kajian ini dilakukan untuk memberi pemahaman kepada pembaca mengenai sistem ekonomi Islam serta pengharaman riba di dalam perspektif sejarah Islam.

2.2.3 Kajian Lepas Berkaitan Keberkesanan Aplikasi

Kajian ini dilakukan oleh Siti Aminah Sallehin dan Fazlinda Ab Halim (2018). Penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan multimedia (ABBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PDP). Dapatan menunjukkan bahawa ABBM berdasarkan multimedia digunakan pada tahap yang sederhana. Seterusnya, menurut Fadhli Abdullah dan Md Sidin Ahmad Ishak (2016), hasil kajian sumber dokumentari mendedahkan bahawa pengenalan E-book telah menyediakan bahan bacaan kepada rakyat Malaysia sebagai kaedah alternatif untuk membaca buku.

Selain itu, berlaku peningkatan ketara dalam bilangan penerbit bebas akibat daripada kemunculan Internet dan media sosial. Selain itu, kajian yang dilakukan di Indonesia oleh Natalis Sukma Permana (2017). Penyelidikan penciptaan E-book penjagaan sosial yang digantikan sebagai DVD dengan manual pengguna menunjukkan bahawa E-book merupakan penjagaan sosial yang sangat praktikal. Hal ini dapat dibuktikan dengan pemerolehan skor kebolehlaksanaan 3.70 daripada pakar media dan skor 3.60 daripada pakar bahan. Seterusnya, kajian oleh Miranda Audia (2019). Penambahbaikan dapat dilakukan dengan merangka pelbagai strategi kerja yang inovatif (R&D) yang mengambil kira model borang media pembelajaran E-book amat dipuji oleh pakar bahan yang terlibat.

Di samping itu, kajian ini dilakukan oleh Rika Nuryani Suwarno dan Rahmutallah di Indonesia (2021) penciptaan buku digital pintar dengan melodi dan kandungan yang menarik dapat memberikan pelajar pengalaman pembelajaran yang jelas memandangkan pelajar boleh belajar secara bersendirian. Akhir sekali, kajian ini dilakukan oleh Galuh Ayu Puspita dan Irwansyah di Indonesia (2018). Kajian yang dilakukan ialah penghasilan E-book dapat menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan secara tidak langsung perkembangan industri penerbitan E-book diharap menjadi pilihan utama dalam kaedah penelitian berbanding buku bercetak. IPUSNAS misalnya merupakan produk inovasi yang dihasilkan dan ianya boleh ditafsirkan sebagai salah satu kaedah untuk aplikasi digital yang boleh diperoleh tanpa sempadan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan produk inovasi e-maklumat (i-riba) sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan sesuatu cara penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.


3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Pengenalan Soal Selidik

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 80 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

Tujuan soal selidik ini dibuat untuk mengenal pasti tahap pelajar politeknik mengenai pengetahuan mereka berkenaan dengan isu riba. Selain itu, soal selidik ini juga untuk

memastikan bahawa isu berkaitan riba ini merupakan masalah yang serius jika setiap pelajar tidak mendalaminya. Untuk soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar politeknik, pengkaji mendapati bahawa pelajar politeknik yang telah mengisi borang soal selidik masih keliru dan kurang kefahaman mengenai isu riba. Terdapat 80 orang responden yang telah terlibat dan ia melibatkan pelajar lelaki dan perempuan. Dapatkan soal selidik ini melibatkan pelajar daripada Semester 1 sehingga Semester 6. Berikut menunjukkan Rajah 3.1 adalah carta *pie* bagi data pelajar lelaki dan pelajar perempuan :








Rajah 3.1 Menunjukkan data demografi pelajar lelaki dan pelajar perempuan

Data ini telah menunjukkan jantina yang telah terlibat iaitu pelajar lelaki dan perempuan di politeknik. Data tersebut menunjukkan sebanyak 58.8% pelajar perempuan yang telah menjawab borang soal selidik ini yang bersamaan dengan 47 orang pelajar. Manakala sebanyak 41.3% pelajar lelaki yang telah menjawab borang soal selidik ini adalah sebanyak 33 orang pelajar. Secara keseluruhan, sebanyak 80 orang pelajar politeknik yang telah meluangkan masa mereka untuk menjawab borang soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji.

Seterusnya, hasil dapatan kajian soal selidik yang diedarkan melalui *google form* kepada responden iaitu pelajar politeknik secara khususnya adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan pengetahuan berkaitan ilmu riba di dalam kehidupan seharian. Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk memberi laluan kepada pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam serta dapat memberikan idea dan jalan penyelesaian kepada pengkaji supaya masalah ini dapat diatasi serta tidak menimbulkan sebarang kekeliruan pada masa yang akan datang. Berikut adalah data bagi setiap soalan yang terdapat di dalam borang soal selidik

yang telah diedarkan oleh pengkaji. Terdapat sebanyak lima soalan yang telah diajukan kepada responden. Berikut adalah data bagi setiap soalan yang diajukan oleh pengkaji :

Bil .	Soalan Soal Selidik	Data Soal Selidik	Responden								
1.	Sebagai pelajar politeknik, adakah anda mengetahui seluruh konsep riba seperti maksud, hukum, dalil pengharaman dan lain-lain?	<p>I. Ya,ketahui secara keseluruhan (32.5%)26responden</p> <p>II. Tidak keseluruhan (67.5%)54responden</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tidak keseluruhan</td> <td>67.5%</td> </tr> <tr> <td>Ya, ketahui secara keseluruhan</td> <td>32.5%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Tidak keseluruhan	67.5%	Ya, ketahui secara keseluruhan	32.5%	Lelaki (41.3%)33responden		
Kategori	Persentase										
Tidak keseluruhan	67.5%										
Ya, ketahui secara keseluruhan	32.5%										
2.	Pada pendapat anda, mengapa masih ada segelintir pelajar yang tidak memahami ilmu berkaitan riba?	<p>I. Menganggap riba tidak begitu penting sehingga tidak ingin mengambil tahu (35%)28responden</p> <p>II. Malas membaca artikel yang sahih berkaitan riba yang begitu panjang (37.5%)30responden</p> <p>III. Penyampaian yang tidak begitu jelas oleh orang di sekeliling (27.5%)22responden</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menganggap riba tidak begitu penting</td> <td>35%</td> </tr> <tr> <td>Malas membaca artikel yang sahih berkaitan riba yang begitu panjang</td> <td>37.5%</td> </tr> <tr> <td>Penyampaian yang tidak begitu jelas oleh orang di sekeliling</td> <td>27.5%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Menganggap riba tidak begitu penting	35%	Malas membaca artikel yang sahih berkaitan riba yang begitu panjang	37.5%	Penyampaian yang tidak begitu jelas oleh orang di sekeliling	27.5%	Perempuan (58.8%)47responden
Kategori	Persentase										
Menganggap riba tidak begitu penting	35%										
Malas membaca artikel yang sahih berkaitan riba yang begitu panjang	37.5%										
Penyampaian yang tidak begitu jelas oleh orang di sekeliling	27.5%										

3.	<p>Adakah anda mengetahui bahawa terdapat unsur riba di dalam PTPTN?</p>	<p>I. Ya (42.5%)34responden II. Tidak (57.5%)46responden</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ya</td> <td>42.5%</td> </tr> <tr> <td>Tidak</td> <td>57.5%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Ya	42.5%	Tidak	57.5%	
Kategori	Persentase								
Ya	42.5%								
Tidak	57.5%								
4.	<p>Adakah anda bersetuju bahawa aktiviti yang berkaitan riba menjadi punca kemiskinan kepada masyarakat?</p>	<p>I. Ya (82.5%)66responden II. Tidak (17.5%)14responden</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ya</td> <td>82.5%</td> </tr> <tr> <td>Tidak</td> <td>17.5%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Ya	82.5%	Tidak	17.5%	<p>Lelaki (41.3%)33responden</p> <p>Perempuan (58.8%)47responden</p>
Kategori	Persentase								
Ya	82.5%								
Tidak	17.5%								
5.	<p>Adakah anda berminat untuk mengetahui dan memahami lebih mendalam tentang riba di dalam e-maklumat yang akan diciptakan oleh pihak pengkaji?</p>	<p>I. Ya (96.3%)77responden II. Tidak (3.7%)3responden</p>  <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Persentase</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ya</td> <td>96.3%</td> </tr> <tr> <td>Tidak</td> <td>3.7%</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Persentase	Ya	96.3%	Tidak	3.7%	
Kategori	Persentase								
Ya	96.3%								
Tidak	3.7%								

Maklumat produk inovasi yang akan dihasilkan.

Aplikasi e-maklumat adalah produk inovasi yang dihasilkan bagi membantu pelajar politeknik untuk memahami ilmu berkaitan riba mengikut perspektif Islam. Objektif daripada kajian ini adalah dengan mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu-isu riba mengikut perspektif Islam. Yang kedua, membangunkan bahan ilmiah berbentuk e-maklumat (i-riba) berkaitan isu-isu riba mengikut perspektif Islam. Produk inovasi ini adalah melalui bahan-bahan daripada buku kepada produk pembacaan secara digital. Dapat dijelaskan bahawa pengkaji mendapat satu idea yang kreatif dalam mewujudkan produk inovasi ini iaitu dengan menggunakan aplikasi canva. Penubuhan produk inovasi ini bertujuan bagi memudahkan pelajar politeknik untuk menambahkan kefahaman serta dapat dipraktikkan di dalam pembelajaran mereka. Di sini pengkaji ingin menerangkan dengan lebih lanjut mengenai produk inovasi yang akan dihasilkan. Produk inovasi yang dimaksudkan adalah e-maklumat (i-riba). E-maklumat (i-riba) ini adalah salah satu inovasi yang baru dan ianya kelihatan lebih menarik untuk dijadikan sebagai rujukan oleh pelajar politeknik. Pelajar dapat menggunakan kemudahan e-maklumat (i-riba) melalui pautan laman web yang mana ianya boleh diakses melalui peranti teknologi canggih seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya. Dalam hal ini, tidak dapat dinafikan penggunaan buku sudah kurang mendapat tempat dan perhatian di dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana sumber maklumat yang terdapat di dalam buku terlalu banyak dan menyebabkan pelajar berasa sukar untuk mendapatkan maklumat dengan cepat berbanding dengan menggunakan produk inovasi e-maklumat (i-riba) ini yang mana sumber maklumat yang disediakan di dalam bentuk '*point*' yang ringkas, jelas dan padat. Di dalam e-maklumat (i-riba) ini terdapat beberapa subtopik penting yang ditekankan oleh pihak pengkaji. Isi kandungan subtopik tersebut meliputi pengenalan riba, jenis-jenis riba, contoh-contoh situasi riba, faktor-faktor berlakunya riba, kesan-kesan larangan riba di dalam kehidupan seharian dan kepentingan-kepentingan terhadap riba. Oleh itu, pengkaji berharap agar pelajar dapat menggunakan kemudahan e-maklumat (i-riba) ini dengan sebaik mungkin serta dapat membantu pelajar untuk menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan dengan riba di dalam kehidupan seharian.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolehgunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakaninya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk inovasi yang bakal dihasilkan. Di dalam proses pembangunan produk e-maklumat (i-riba) ini, pihak pengkaji menggunakan peranti teknologi yang canggih seperti telefon pintar, komputer riba, serta aplikasi *canva* untuk menghasilkan produk. Terdapat 10 langkah untuk proses pembangunan produk ini.

Langkah 1

Pengkaji membuat perbincangan sesama ahli kumpulan secara atas talian. Perbincangan ini dilakukan bertujuan untuk mengagihkan setiap tugas kepada pengkaji seterusnya untuk memastikan produk inovasi yang bakal dihasilkan berjalan dengan lancar.



Gambar 3.3.1 perbincangan sesama ahli kumpulan untuk menghasilkan produk inovasi

Melalui perbincangan ini, pengkaji telah mengenal pasti produk yang ingin dihasilkan. Pengkaji juga telah mengenal pasti kaedah yang ingin digunakan bagi proses pembangunan produk. Pengkaji telah membuat pemilihan nama bagi produk yang ingin dihasilkan iaitu e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam. Seterusnya, pengkaji juga telah merangka topik-topik yang ingin dijadikan isi kandungan untuk produk. Pengkaji telah memilih untuk memasukkan maklumat berkaitan pengenalan riba, jenis-jenis riba, contoh-contoh riba, faktor berlakunya riba, kesan larangan riba dan beberapa soalan kuiz mengenai riba mengikut perspektif Islam. Kuiz dimasukkan ke dalam produk bertujuan untuk menguji kefahaman pembaca terhadap riba selaras dengan objektif utama penciptaan produk.

Langkah 2

Pengkaji membuat proses pencarian maklumat berkaitan riba.




Gambar 3.3.2 pengkaji mencari sumber maklumat berkaitan dengan riba

Langkah kedua, pengkaji pergi ke perpustakaan untuk mendapatkan buku-buku dan bahan-bahan ilmiah berkaitan dengan riba. Tujuan pengkaji membuat proses pencarian maklumat adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan riba yang benar dan sahih untuk dimasukkan ke dalam penghasilan produk.

Langkah 3

Pengkaji memuat turun aplikasi *canva* dan mendaftar masuk akaun pengguna.




Gambar 3.3.3 menunjukkan pengkaji sedang memuat turun aplikasi canva dan mendaftar masuk akaun pengguna

Langkah ketiga, pengkaji memuat turun aplikasi *canva* melalui *google play store* bagi dipasangkan pada telefon pintar manakala pengkaji juga memuat turun aplikasi *canva* untuk dipasangkan ke dalam komputer riba. Seterusnya, pengkaji perlu mendaftar masuk sebagai akaun pengguna sebelum menggunakan kemudahan aplikasi *canva* ini.

Langkah 4

Pengkaji memilih corak latar belakang bagi setiap muka surat produk.




Gambar 3.3.4 pengkaji sedang memilih corak latar belakang yang bersesuaian

Langkah keempat, pengkaji membuat pemilihan paparan latar belakang bagi setiap muka surat produk. Pengkaji menekan bahagian *templates* dan membuat carian paparan latar belakang yang menarik dan bersesuaian untuk digunakan di dalam produk inovasi.

Langkah 5

Pengkaji memilih warna bagi setiap muka surat produk.




Gambar 3.3.5 menunjukkan pengkaji memilih warna latar belakang yang bersesuaian

Langkah kelima, pengkaji memilih warna yang bersesuaian untuk setiap muka surat produk. Pengkaji menekan bahagian *colour* yang terdapat pada aplikasi *canva* serta memilih warna yang diinginkan. Pada pemilihan warna muka surat produk, pengkaji meletakkan warna muka surat produk yang berbeza mengikut topik-topik yang telah ditetapkan pada langkah pertama pembangunan produk.

Langkah 6

Pengkaji memilih jenis tulisan, saiz tulisan, bentuk dan corak.




Gambar 3.3.6 menunjukkan pengkaji memilih jenis tulisan yang ingin digunakan di dalam produk inovasi

Langkah keenam, pengkaji memilih jenis tulisan, saiz tulisan, bentuk dan corak. Pengkaji menekan bahagian *text* untuk membuat pemilihan tulisan dan saiz untuk diletakkan pada muka surat produk. Pengkaji menggunakan jenis tulisan dan saiz tulisan yang pelbagai mengikut kesesuaian paparan muka surat produk. Di samping itu, pengkaji juga menekan bahagian *element* yang terdapat di dalam canva untuk membuat pemilihan bentuk dan corak paparan produk. Pengkaji membuat pemilihan ini kerana pengkaji ingin menjadikan bentuk pembacaan maklumat secara peta minda.

Langkah 7

Pengkaji menaip segala butiran maklumat ke dalam aplikasi *canva*.




Gambar 3.3.7 menunjukkan pengkaji menaip segala sumber maklumat berkaitan riba ke dalam aplikasi canva

Langkah ketujuh, pengkaji menaip maklumat yang telah diperolehi melalui hasil pencarian maklumat daripada buku dan bahan ilmiah berkaitan ke dalam muka surat projek mengikut susunan.

Langkah 8

Pengkaji membuat beberapa soalan berkaitan riba untuk menguji kefahaman pembaca.

Two screenshots of a Quizizz quiz titled "LARANGAN RIBA MENGIKUT PERSpektif...". The left screenshot shows the question "Berikut manakah pernyataan yang benar berkaitan riba" with four options: "Riba bermaklud pengurangan nilai pembayaran terhadap sesuatu", "Riba ad dasar tuntang kepada riba Al Jariyah dan riba Al Fadli", "Riba adalah usaha berikan tambaran yang dimaksud akut dengan pengejaweq atau penjepit yang disebut", and "Semua datas". The right screenshot shows the same question and options, along with a preview of the next question which asks "Berikut manakah pernyataan yang benar berkaitan riba". Both screenshots show the Quizizz interface with user statistics and navigation buttons.




Gambar 3.3.8 menunjukkan pengkaji membuat soalan untuk dimasukkan ke dalam canva

Langkah kelapan, pengkaji membuat beberapa soalan berkaitan maklumat riba yang telah dimasukkan ke dalam produk. Pengkaji menggunakan laman sesawang *Quizizz* untuk memasukkan soalan berkaitan riba secara digital.

Langkah 9

Pengkaji menghubungkan pautan *Quizizz* ke dalam produk.



Gambar 3.3.9 pengkaji meletakkan pautan link quiziz untuk dijawab oleh pembaca

Langkah kesembilan ini menunjukkan bahawa pengkaji memasukkan pautan *Quiziz* ke dalam produk pada muka surat 15.

Langkah 10

Pengkaji membuat uji kaji produk inovasi yang dihasilkan





Gambar 3.3.10 Borang soal selidik

Langkah terakhir, pengkaji mendaftar masuk akaun pengguna aplikasi *canva* ke dalam telefon pintar. Pengkaji membuat uji kaji produk secara atas talian dengan mengedarkan pautan *link* produk inovasi beserta borang soal selidik untuk memastikan keberkesanan produk.

3.2.3 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan produk inovasi e-maklumat (i-riba) seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi / Laptop 	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan sistem pangkalan data
2.	Penggunaan wifi / pelan data 	Berfungsi untuk mencari pelbagai maklumat yang berkaitan di dalam sumber artikel, jurnal dan sebagainya dan digunakan juga untuk membangunkan produk inovasi.
3.	Aplikasi canva 	Berfungsi digunakan untuk memilih reka bentuk e-maklumat menarik dan kreatif yang bakal dihasilkan oleh pengkaji.
4.	Aplikasi Quiziz 	Berfungsi untuk menguji kefahaman pembaca setelah membaca e-maklumat.

3.2.4 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strengths, weaknesses, opportunities, threats.*) Kaedah analisis SWOT adalah kaedah yang sangat sederhana, namun sangat membantu untuk mengembangkan strategi inovasi supaya dijadikan yang lebih baik dalam penggunaan e-maklumat. Pengkaji menggunakan analisis SWOT untuk membuat perubahan dan tindak balas terhadap persekitaran yang proaktif. Kaedah analisis SWOT merupakan kaedah yang digunakan untuk memahami kekuatan dan kelebihan dalam penciptaan sesuatu produk inovasi. Di sini dapat dijelaskan bahawa kaedah ini juga boleh digunakan untuk mengenal pasti peluang dan ancaman yang bakal dihadapi.

Tujuan pengkaji menggunakan kaedah analisis SWOT adalah untuk menambahbaikkan segala faktor yang ada untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dengan tindakan membetulkan kelemahan tersebut. Seterusnya adalah untuk meneroka peluang bagi melaksanakan strategi yang baik dan mengenal pasti ancaman yang bakal dihadapi dengan mengambil langkah untuk mengurangkannya. Analisis SWOT adalah singkatan daripada *Strengths* (kekuatan), *Weaknesses* (kelemahan), *Opportunities* (peluang), dan *Threats* (halangan)

ANALISIS SWOT			
S (STRENGTHS)	W (WEAKNESS)	O (OPPORTUNITIES)	T (THREATS)

Definisi *Strengths* (kekuatan) menggambarkan sifat positif sama ada boleh diukur atau tidak boleh diukur yang terdapat di dalam organisasi yang berada di dalam kawalan. Seterusnya, *Weakness* (kelemahan) ialah perkara yang memberi kesan negatif yang perlu dititikberatkan supaya dapat mencapai matlamat yang baik dan dapat mencukupi sumber-sumber yang

diperlukan. Ketiga, *Opportunities* (peluang) adalah faktor luaran positif yang boleh membantu meningkatkan prestasi sesebuah inovasi bermaklumat. Akhir sekali *Threats* (halangan) ialah faktor luaran yang berada di luar kawalan yang boleh menyebabkan strategi akan terganggu atau mengalami masalah. Keadaan ini tidak boleh dikawal tetapi rancangan luar jangkaan boleh membantu untuk berhadapan dengan keadaan sekiranya ia berlaku.

Pemilihan untuk kaedah analisis SWOT adalah memainkan peranan penting untuk mengenal pasti tanda aras dalam menambahbaikkan strategi pengurusan, penciptaan produk dan perkhidmatan di samping persediaan terhadap sebarang aspek cabaran dan kemungkinan. Dalam menjalankan analisis SWOT, pengkaji dapat menilai kedudukan semasa dan dapat membandingkan antara peluang dan risiko pada masa hadapan. Analisis SWOT merupakan kaedah yang sangat berguna untuk membantu dalam mencapai sesuatu objektif atau matlamat keberkesanan dan ianya merupakan salah satu alat yang secara umumnya digunakan sebagai asas atau peringkat permulaan bagi membuat keputusan menghala ke arah perancangan strategik. Selain itu juga, teknik secara berkumpulan yang lebih efektif dan berkesan bagi menyediakan objektif, struktur, penerangan dan perbincangan secara berfokus.

Kelebihan dalam penggunaan analisis SWOT adalah dapat menerapkan pada organisasi bagi menetapkan objektif untuk perancangan strategik. Di samping itu, ia memerlukan gabungan maklumat kualitatif dan kuantitatif iaitu akhirnya memerlukan integrasi data dari pelbagai sumber yang membantu meningkatkan perancangan peringkat produk inovasi. Kaedah analisis SWOT adalah mudah dan dapat dijalankan dalam jangka masa yang lebih pendek berbanding teknik penyelesaian masalah yang lain. Hal ini dapat membantu untuk mengenal pasti kecekapan teras di dalam sesebuah organisasi. Seterusnya, dapat membantu dalam jangkaan pada masa lalu, masa kini, dan masa hadapan seperti maklumat masa lalu dan semasa yang dapat digunakan untuk menyusun sesuatu rancangan. Dalam pada itu, ia juga dapat membantu mengembangkan lagi strategi untuk mencapai matlamat yang lebih baik.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi daripada pengujian produk inovasi e-maklumat (i-riba) yang telah diedarkan kepada beberapa orang responden bagi mengenal pasti keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Selain itu, bab ini juga membincangkan berkaitan impak produk dan kos penghasilan produk.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Huraian mengenai hasil pengumpulan dan analisis data merangkumi penilaian berkaitan projek yang dibangunkan termasuk kelebihan, kekurangan atau masalah dalam proses pembangunan projek perlu dinyatakan. Ujikaji-ujikaji yang dijalankan ke atas produk yang telah dihasilkan berserta kaedah pengujian dan peralatan yang diguna pakai juga hendaklah diperjelaskan. Seandainya produk yang terhasil tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, perbincangan kaedah yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah tersebut boleh dinyatakan. Antara perkara yang boleh dibincangkan:

- (a) peringkat pertama keputusan pengujian dan kalibrasi; (merujuk kepada jadual 4.1)
- (b) peringkat akhir keputusan pengujian; dan
- (c) membaikpulih dan penyelenggaraan

a) Analisis SWOT

1. Strengths (Kekuatan)

Di dalam aspek *strength* (kekuatan) ini, dapat dijelaskan bahawa pelajar tidak perlu untuk mengeluarkan duit perbelanjaan untuk membeli bahan rujukan ringkas yang baru setiap kali bahan tersebut dikemaskini pada masa akan datang akan tetapi ianya perlu dilakukan hanya dengan cara mendapatkan semua sumber maklumat berkaitan riba secara khususnya di dalam produk inovasi yang dihasilkan oleh pengkaji. Di dalam konteks ini, pelajar boleh menggunakan kemudahan teknologi atau peranti yang canggih masa kini seperti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya untuk mengakses produk inovasi di dalam talian dengan memuatnaik versi yang terkini. Selain itu, produk inovasi yang diciptakan ini bukan sahaja memudahkan pelajar, namun ianya secara tidak langsung dapat menjimatkan masa serta mengurangkan kos di dalam sektor percetakan dan kertas. Hal ini kerana, pencarian maklumat melalui sumber bahan rujukan ringkas tidak dapat dinafikan sudah tidak mendapat tempat dalam kalangan pelajar malah mereka menggunakan kemudahan untuk mencari maklumat di dalam aplikasi-aplikasi seperti e-maklumat untuk dijadikan rujukan di dalam sesi pembelajaran. Oleh sebab itu, pengkaji mendapati bahawa penciptaan nota ringkas di dalam talian ini mampu memberikan kelebihan dan memastikan pelajar dapat belajar dengan cara yang lebih mudah dan efisien berbanding dengan menggunakan bahan rujukan ringkas.

2. Weakness (Kelemahan)

Weakness (kelemahan) yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji daripada penciptaan produk inovasi e-maklumat ini adalah terdapat kesan yang boleh menyebabkan kelesuan mata kepada pelajar sekiranya menggunakan kemudahan ini dalam tempoh masa yang lama. Hal ini berlaku disebabkan oleh pancaran skrin pada setiap peranti yang digunakan terlalu terang dan boleh merosakkan mata pelajar. Masalah capaian internet lemah juga merupakan salah satu aspek yang sangat memberi kesan kepada pelajar memandangkan internet adalah perkara asas untuk tujuan mengakses dan mendapatkan produk inovasi di dalam talian. Selain itu, masalah kekurangan peranti seperti komputer riba atau laptop menyebabkan kesukaran kepada pelajar. Hal ini kerana untuk mendapatkan maklumat di dalam produk inovasi, pelajar perlulah mempunyai peranti yang sesuai seperti telah dinyatakan di atas supaya memudahkan pelajar untuk mendapatkan segala maklumat berkaitan dan diperlukan.

3. Opportunities (Peluang)

Opportunities (peluang) menunjukkan bahawa analisis yang dilakukan terhadap produk inovasi yang dihasilkan ini dapat menyebarkan ilmu dengan lebih meluas, efektif dan berkongsi kemudahan ini bukan sahaja kepada pelajar, namun kepada masyarakat yang lain juga. Hal ini disebabkan, maklumat tersebut boleh dikongsi dengan mudah di dalam talian. Selain itu, ia dapat meningkatkan tahap penguasaan dan kemahiran kepada pelajar politeknik terutamanya dalam menggunakan kemudahan produk inovasi ini. Produk inovasi yang dibangunkan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada pelajar pada masa kini supaya dapat memahami kelebihan menggunakan nota yang terdapat di dalam talian berbanding menggunakan kaedah pencarian maklumat yang lama iaitu daripada sumber bahan rujukan ringkas. Seterusnya, pembangunan produk inovasi pada masa kini mampu membangunkan perkembangan teknologi kepada individu, masyarakat dan negara sekali gus membuka mata mereka bahawa betapa pentingnya menggunakan kelebihan internet kearah yang baik kerana mempunyai banyak manfaat dan faedahnya.

4. Threats (Halangan)

Threats (halangan) merupakan salah satu perkara yang mesti wujud di dalam sesebuah penghasilan produk inovasi. Dapat dijelaskan di sini, bahawa tidak semua masyarakat mempunyai bekalan internet yang baik untuk diakses. Seperti sudah sedia maklum, kebanyakan produk inovasi yang dihasilkan memerlukan capaian internet yang baik dan sekiranya internet yang digunakan tidak mendapat capaian yang diperlukan, maka akan memberikan kesukaran kepada mereka untuk menggunakannya. Selain itu, halangan yang sering terjadi adalah produk inovasi tersebut mudah diceroboh oleh sesiapa sahaja. Tujuan utama perkara tersebut berlaku adalah untuk mengganggu pengguna supaya kemudahan teknologi tersebut tidak dapat digunakan. Dalam pada itu, terdapat risiko yang bahaya disebabkan oleh *scammer*. *Scammer* ini menjadi halangan terbesar pada masa kini yang mana tujuan mereka adalah mencuba dengan sedaya upaya untuk melakukan penipuan dan mengolah laman web tanpa diketahui oleh pemilik produk inovasi tersebut. Jika perkara ini berlaku, kesan yang buruk akan dihadapi oleh pengkaji kerana tidak dapat untuk memberikan produk inovasi yang dihasilkan kepada pelajar untuk dijadikan sumber rujukan di dalam pelajaran. Dapat disimpulkan bahawa halangan yang berlaku memberikan kesukaran kepada pengkaji kerana ia adalah perkara yang tidak dapat dikawal. Justeru itu,

pengkaji perlu lebih berwaspada agar halangan seperti ini dapat dielakkan supaya produk inovasi dihasilkan dalam keadaan yang baik dan dapat digunakan oleh pelajar.

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Analisis yang dibuat adalah secara kuantitatif iaitu melalui soal selidik. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 20 responden. Sebanyak 10 soalan yang telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan produk inovasi. Berikut adalah Jadual 4.1 yang menunjukkan bilangan responden dan peratusan terhadap analisis produk.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk inovasi e-maklumat

Maklum Balas dari Responden										
Bil	Item Soalan	Sangat setuju		Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Sangat tidak setuju
		No .	(%)	No .	(%)	No .	(%)	No.	(%)	No. (%)
1.	Saya dapat mengetahui jenis-jenis riba yang terdapat dalam e-maklumat ini.	17	85	3	15	0	0	0	0	0 0
2.	Saya dapat mengenal pasti kesan riba terhadap individu, masyarakat dan negara.	13	65	7	35	0	0	0	0	0 0
3.	Latar belakang yang digunakan di dalam e-maklumat adalah menarik.	16	80	3	15	1	5	0	0	0 0
4.	Saya mudah mengakses e-maklumat pada telefon pintar.	15	75	5	25	0	0	0	0	0 0

5.	Jenis tulisan yang pelbagai di dalam e-maklumat dapat menarik daya tarikan saya untuk membaca.	15	75	4	20	1	5	0	0	0	0
6.	Sistem e-maklumat ini dapat dikongsi kepada pihak luar seperti kawan-kawan, ibu bapa dan masyarakat.	15	75	5	25	0	0	0	0	0	0
7.	Saya mendapati bahawa penggunaan infografik dan quiziz dalam pembelajaran sangatlah berkesan.	15	75	4	20	1	5	0	0	0	0
8.	Saya mendapati bahawa maklumat yang terkandung di dalam produk inovasi adalah jelas dan mencapai objektif utama pembelajaran.	15	75	4	20	0	0	0	0	1	5
9.	E-maklumat dapat memberi kemudahan kepada saya untuk dijadikan sebagai rujukan.	16	80	14	20	0	0	0	0	0	0
10.	E-maklumat ini memerlukan jaringan internet yang laju.	10	50	6	30	3	15	1	5	0	0

Jadual 4.1 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian dan pengujian analisis keberkesaan produk inovasi e-maklumat (i-riba). Keputusan analisis ini menunjukkan maklum balas responden iaitu untuk kenyataan yang pertama adalah sebanyak 85% iaitu 17 responden yang menyatakan sangat setuju dalam kefahaman jenis-jenis riba yang telah diterangkan dalam e-maklumat tersebut manakala sebanyak 15% iaitu 3 responden yang menyatakan setuju. Bagi maklumat yang kedua iaitu sebanyak 65% (13 responden) yang menyatakan sangat setuju manakala sebanyak 35 % (7 responden) yang menyatakan setuju bagi mengenal pasti kesan riba terhadap individu, masyarakat dan negara. Seterusnya, seramai 16 responden (80%) yang

menandakan sangat setuju, 3 responden (15%) yang menandakan setuju dan hanya seorang responden sahaja (5%) yang menandakan kurang setuju bagi kenyataan iaitu latar belakang yang digunakan di dalam e-maklumat adalah menarik. Bagi kemudahan untuk mengakses e-maklumat pada telefon pintar, terdapat 75% iaitu 15 responden yang menyatakan sangat setuju manakala hanya 25% iaitu 5 responden yang menyatakan setuju. Dengan peratusan sebanyak 75% (15 responden) yang menunjukkan sangat setuju manakala 20% (4 responden) untuk setuju dan diikuti 5% (1 responden) adalah kurang setuju bagi kenyataan tarikan untuk membaca dalam penggunaan kepelbagaiannya jenis tulisan yang terdapat di dalam e-maklumat tersebut.

Selain itu, sistem e-maklumat yang dapat dikongsikan kepada pihak luar seperti kawan-kawan, ibu bapa dan masyarakat yang menunjukkan seramai 15 responden (75%) yang sangat setuju dengan kenyataan itu manakala 5 responden (15%) yang mengatakan setuju sahaja. Sebanyak 75% (15 responden) yang memberi maklum balas yang sangat setuju, 20% (4 responden) adalah setuju manakala 5% (1 responden) adalah kurang bersetuju bagi mendapati keberkesanan penggunaan infografik dan quizz dalam pembelajaran. Di samping itu, seramai 15 responden bersamaan dengan 75% yang menyatakan sangat setuju manakala seramai 4 responden bersamaan dengan 20% yang menyatakan setuju dan 1 responden bersamaan 5% yang menyatakan sangat tidak setuju yang mendapati bahawa maklumat yang terkandung di dalam produk inovasi adalah jelas dan mencapai objektif utama pembelajaran. Terdapat 16 responden (80%) yang menandakan sangat setuju manakala pula terdapat 14 responden (20%) yang menandakan setuju bagi menyatakan bahawa e-maklumat dapat memberi kemudahan dan dapat dijadikan sebagai rujukan. Akhir sekali, seramai 10 responden (50%) yang menyatakan sangat setuju, 6 responden (30%) menyatakan setuju, 3 responden (15%) menyatakan kurang setuju manakala 1 responden (5%) menyatakan tidak setuju bahawasanya e-maklumat ini memerlukan jaringan internet yang laju.

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Huraian yang jelas dan padat mengenai bagaimana dapatan kajian menyokong dapatan kajian lepas, teori atau model yang berkaitan (jika berkaitan). Perbincangan persoalan kajian secara kritis satu persatu berpandukan dapatan kajian dan kajian literatur perlu dikemukakan.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Di dalam produk inovasi yang dibangunkan oleh pengkaji menunjukkan bahawa aplikasi yang digunakan memerlukan sedikit kos perbelanjaan. Kekangan utama yang dihadapi oleh pengkaji dari segi kewangan. Hal ini kerana pengkaji yang terlibat untuk menghasilkan produk inovasi ini adalah terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai. Oleh sebab itu, pengkaji mengambil pendekatan untuk berkongsi modal bersama supaya produk inovasi e-maklumat (i-riba) ini dapat direalisasikan dan menjadi kenyataan. Matlamat utama pengkaji adalah untuk membantu pelajar politeknik secara khususnya agar menggunakan segala maklumat yang terdapat di dalam produk inovasi sebagai bahan di dalam pelajaran mereka serta dapat membantu kearah penjimatan kos berbanding dengan keadaan sebelumnya iaitu dari segi pembelian bahan rujukan ringkas.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Melalui produk inovasi yang dihasilkan, pengkaji mendapati bahawa produk inovasi ini memberikan kelebihan kepada pelajar terutamanya dari segi masa. Hal ini disebabkan pelajar tidak perlu mengambil masa terlalu lama untuk mencari maklumat-maklumat yang dimahukan oleh mereka. Pada masa kini tidak dinafikan bahawa semua maklumat yang diperlukan oleh pelajar hanya di hujung jari sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji beranggapan produk inovasi ini memberikan kemudahan dan dalam masa yang sama mampu menjimatkan

masa pelajar daripada mencari buku di perpustakaan atau di kedai-kedai buku yang berhampiran. Jadual 4.2 menunjukkan perubahan sebelum dan selepas penggunaan masa yang diperlukan oleh pelajar untuk mencari maklumat.

Jadual 4.2

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa untuk mencari sumber maklumat yang diperlukan oleh pelajar	Memerlukan masa yang banyak untuk mencari maklumat dianggarkan dalam 30 minit.	Dapat menjimatkan masa dan hanya 2 minit sahaja diperlukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

c) **Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk**

Keberkesanan penggunaan produk inovasi e-maklumat (i-riba) dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti pelajar politeknik dan komuniti setempat yang lain. Hal ini kerana, produk inovasi e-maklumat (i-riba) ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana juar.

4.4 KOS PENGHASILAN PRODUK

Kos penghasilan projek ini diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan input yang diperlukan di dalam proses penghasilan produk inovasi e-maklumat (i-riba).

Bil	Butiran	Kos (RM)
1.	Aplikasi canva	RM 21.90
2.	Data internet	RM 35.00

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu berkaitan riba. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dijelaskan bahawa objektif atau matlamat yang diharapkan oleh pengkaji dalam pembangunan produk inovasi ini adalah dapat dicapai dengan jayanya. Sepanjang pembangunan produk inovasi ataupun lebih spesifiknya dikenali sebagai e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam ini berjalan, pengkaji telah mencari pelbagai sumber maklumat yang berkaitan dengan perkara atau isu-isu riba di dalam perspektif Islam. Di dalam proses membangunkan produk, pengkaji mendapati satu aplikasi yang menarik dan kreatif untuk digunakan. Aplikasi yang dimaksudkan tersebut ialah aplikasi canva. Di dalam aplikasi canva ini pengkaji dapat menggunakan semua kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin untuk memastikan produk inovasi yang dihasilkan menarik. Melalui kaedah ini, ianya dapat memudahkan pengkaji untuk memasukkan semua maklumat yang ringkas dan padat ke dalam aplikasi tersebut secara efektif dan berkesan. Akhir sekali, hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan dan analisis SWOT yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa produk inovasi yang dibangunkan ini tercapai dan boleh diguna pakai oleh pelajar dan masyarakat yang lain untuk dijadikan sumber rujukan baik pada masa kini atau pada masa yang akan datang.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa cadangan turut diberikan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Antaranya, cadangan kepada pelajar politeknik, masyarakat lain dan pengkaji pada masa akan datang.

5.3.1 Cadangan kepada pelajar politeknik.

Cadangan yang boleh diberikan kepada pelajar politeknik adalah pengkaji mencadangkan supaya pelajar politeknik menggunakan produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam serta memahami segala maklumat berkaitan riba yang terkandung agar dapat diterapkan di dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana pelajar politeknik perlu bijak dalam mengenal pasti aktiviti yang berkaitan riba supaya pelajar tidak terjebak dengan aktiviti-aktiviti haram tersebut. Pelajar bagi institusi pengajian tinggi seperti politeknik merupakan generasi muda yang perlu dibentuk dengan sifat-sifat yang baik bagi memastikan kemajuan negara dapat dicapai. Oleh itu, dengan adanya kesedaran di dalam diri pelajar untuk tidak terlibat dengan aktiviti berkaitan riba maka kehidupan pelajar pada masa akan datang terjamin daripada bebanan penambahan hutang akibat riba serta mendapat keredhaan dari Allah S.W.T.

5.3.2 Cadangan kepada masyarakat lain.

Cadangan yang diberikan oleh pengkaji kepada masyarakat ialah pengkaji mencadangkan kepada masyarakat untuk memahami sedalam yang mungkin perkara berkaitan riba. Hal ini kerana masyarakat luar kurang mengetahui apa itu yang dimaksudkan riba tetapi hanya mengetahui apa itu faedah. Majoriti masyarakat tidak dapat membezakan sehingga institusi kewangan Islam pun dianggap mengenakan transaksi berkaitan riba disebabkan oleh caj kewangan yang dikenakan kepada mereka. Hal ini tidak boleh dibiarkan sama sekali kerana ia mampu menjelaskan kewangan, amalan serta kehidupan seharian masyarakat. Oleh yang demikian, penciptaan produk inovasi yang dicipta oleh pengaji juga merupakan satu alternatif yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk menambah pengetahuan berkaitan riba dengan sebaik mungkin. Produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam merupakan produk yang mudah difahami dan mempunyai ringkasan yang jelas dan padat.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang.

Cadangan yang dicadangkan oleh pengkaji kepada pengkaji akan datang ialah supaya pengkaji akan datang membuat kajian berkaitan riba ke dalam skop kajian yang lebih besar. Hal ini kerana pihak pengkaji terkini hanya membuat kajian kepada pelajar-pelajar politeknik. Antara skop kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang ialah kepada golongan pelajar institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Dengan ini lebih banyak kaedah serta produk inovasi berkaitan riba dapat dibangunkan untuk memberikan kefahaman kepada pelajar dan masyarakat. Contohnya, pengkaji akan datang juga boleh untuk menciptakan satu produk yang lebih menarik dan berinformasi dengan pengisian ilmu berkaitan riba.

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokus kepada pembangunan produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif islam. Skop projek ini hanya tertumpu kepada golongan pelajar politeknik. Oleh itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh keberkesanan penggunaan produk inovasi e-maklumat (i-riba).

Seterusnya, kos pengangkutan yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk bertemu dan berbincang secara bersemuka untuk menghasilkan produk inovasi. Hal ini kerana pihak pengkaji-pengkaji tinggal di negeri yang berlainanan. Sekiranya pihak pengkaji-dapat bertemu secara bersemuka pasti lebih banyak idea yang menarik dapat ditemukan terutama dalam proses penghasilan produk inovasi dalam memcapai objektif kajian yang pengkaji jalankan.

5.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, jelaslah bahawa didapati dua objektif kajian pada awal kajian ini dilakukan iaitu pertamanya, mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar politeknik terhadap isu -isu riba mengikut perspektif islam dan keduanya, membangunkan bahan ilmiah berbentuk e-maklumat (i-riba) larangan riba mengikut perspektif Islam adalah tercapai.

Dengan ini, pengkaji telah berjaya menghasilkan produk inovasi e-maklumat (i-riba) larangan riba mengikut perspektif Islam.

RUJUKAN

Mayuki Mayuki (Disember 2018), Riba dalam Al-Quran dan dalam Perspektif Pemikiran Ulama. <https://journal.uinmataram.ac.id/index.php/muamalat/article/view/2848>

Restyka Puspita Sari dan Ana Maghfirah,Riba Dalam Perspektif Agama Dan Ekonomi. <https://www.scribd.com/document/428558837/Riba-Dalam-Perspektif-Agama-Dan-Ekonomi>

(Januari 2016).Jurnal Ekonomi Syariah.

<https://www.jes.unisla.ac.id/index.php/jes/article/view/9/8>

Muhammad Tho'in.(Februari 2016).Larangan Riba Dalam Teks dan Konteks (Studi Atas Hadits Riwayat Muslim Tentang Pelaknatn Riba).<http://www.jurnal.stie-aas.ac.id/index.php/jei/article/view/44>

Ahyani. (2020).Jurnal Komunikasi Antar Perguruan Tinggi Agama Islam.

<http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/kordinat/article/view/18899/8102>

Ade Dedi Rohayana. (April 2015).Riba dalam Tinjauan Al-Quran. <http://ejournal.iainpekalongan.ac.id/index.php/Religia/article/view/622/915>

Irawati Irawati dan Akramunnas Akramunnas. (2018). Pengetahuan Masyarakat Tentang Riba Terhadap Perilaku Utang Piutang di Kecamatan Anreapi Polewali Mandar.

<http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/lamaisyir/article/view/7275>

Elpianti Sahara Pakpahan. (2019). Pengharaman Riba dalam Islam.

<https://jurnal.pancabudi.ac.id/index.php/alhadi/article/view/740>

Efa Rodiah Nur. (2015). Riba dan Gharar: Suatu Tinjauan Hukum dan Etika Dalam Transaksi Bisnis Moden.<http://ejournal.radenintan.ac.id/index.php/adalah/article/view/247>

Budiantoro.(2018).Sistem Ekonomi (Islam) dan Pelarangan Riba dalam Perspektif Historis.<http://www.jurnal.stie-aas.ac.id/index.php/jei/article/view/138/130>

Geluh Ayu Puspita dan Irwansyah Irwansyah.(2018).Pergeseran Budaya Baca dan Perkembangan Industri Penerbitan Buku di Indonesia:Studi Kasus Pembaca E-Book Melalui Aplikasi.Jurnal Kajian Perpustakaan dan Informasi.

iPusnas.<http://journal2.um.ac.id/index.php/bibliotika/article/view/4164>

Basri Ibrahim.(2009).Analisis Isu-Isu Muamalat Semasa Dalam Buku Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Mu'asirah Oleh Qal'ahji.Jurnal Syariah.

<https://ajap.um.edu.my/index.php/JS/article/download/22740/11285>

Prof Dr Mohd Nazari Ismail.(2019).Ekonomi Berpaksi Hutang,Riba Punca Kemiskinan.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/09/603774/ekonomi-berpaksi-hutang-riba>

Hasniza Hussain.(2020).Riba Punca Umat Islam Sukar Berjaya Dalam Perniagaan.

<https://www.sinarharian.com.my/article/109798/KHAS/>

Imran N.Hosein.(2012).Pentingnya Larangan Riba Dalam Islam.Sumber Rujukan Dari Buku(Masjid Jami'ah,City of San Fernando,Trinidad and Tobago).

Siti Aminah dan Fazlinda Ab.Halim.(2018).Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Menengah Zon Benut.

<https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4814>

Fadli Abdullah dan Md Sidin Ahmad Ishak.(2016).Kesan Perkembangan Teknologi terhadap Industri Penerbitan Buku di Malaysia.Jurnal Pengajian Media Malaysia.

<https://jpmm.um.edu.my/article/view/5711>

Natalis Sukma Permana.(2017).Pengembangan E-Book Kepdulian Sosial Sebagai Media Pendidikan Karakter di Stkip Widya Yuwana Madiun.Jurnal Pendidikan Karakter.

<https://journal.uny.ac.id/index.php/jpka/article/view/15662>

Miranda Audia.(2019).Pengembangan Media E-Book Dengan Bantuan Sigil Software Untuk Kelas VII MTS Al-Hikmah Kedaton Bandar Lampung Pada Mata Pelajaran Fiqh.

<http://repository.radenintan.ac.id/8416/1/SKRIPSI%20MIRANDA.pdf>

Rika Nuryani Suwano dan Rahmatullah Rahmatullah.(2021).E-Book Interkatif Terintegrasi Keakrifan Lokal Karawitan sebagai Bahan Konteksual IPA SMP:Analisis Konten.

<https://journal.publication-center.com/index.php/ijast/article/view/938>

LAMPIRAN



DPB50163 BUSINESS PROJECT

PRODUK INOVASI E-MAKLUMAT (I-RIBA) MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

SOAL SELIDIK UNTUK MENGUJI KEFAHAMAN PELAJAR SEBELUM PRODUK
INOVASI DIHASILKAN

- 1) Sebagai pelajar politeknik, adakah anda mengetahui seluruh konsep riba seperti maksud hukum dalil pengharaman dan lain lain ?
- 2) Pada pendapat anda, mengapa masih ada segelintir pelajar yang tidak memahami ilmu berkaitan riba?
- 3) Adakah anda mengetahui bahawa terdapat unsur riba di dalam PTPTN?
- 4) Adakah anda bersetuju bahawa aktiviti yang berkaitan riba menjadi punca kemiskinan kepada masyarakat ?
- 5) Adakah anda berminat untuk mengetahui dan memahami lebih mendalam tentang riba di dalam e-maklumat yang akan diciptakan oleh pihak pengkaji ?

Contoh soalan soal selidik



DPB50163 BUSINESS PROJECT

PRODUK INOVASI E-MAKLUMAT (I-RIBA) MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PRODUK

- 1) Saya dapat mengetahui jenis jenis riba yang terdapat dalam e-maklumat ini.
- 2) Saya dapat mengenal pasti kesan riba terhadap individu,masyarakat, dan negara.
- 3) Latar belakang yang digunakan didalam e-maklumat adalah menarik.
- 4) Saya mudah mengakses e-maklumat pada telefon pintar .
- 5) Jenis tulisan yang pelbagai di dalam e-maklumat dapat menarik daya tarikan saya untuk membaca.
- 6) Sistem e-maklumat ini dapat dikongsi kepada pihak luar seperti kawan kawan,ibu bapa dan masyarakat.
- 7) Saya mendapati bahawa penggunaan infografik dan quiziz dalam pembelajaran sangatlah berkesan.
- 8) Saya mendapati bahawa maklumat yang terkandung di dalam produk inovasi adalah jelas dan mencapai objektif utama pembelajaran.
- 9) E-maklumat dapat memberi kemudahan kepada saya untuk dijadikan sebagai rujukan.
- 10) E-maklumat ini memerlukan jaringan internet yang laju.

Contoh soalan soal selidik

The image shows two screenshots of a mobile application titled "E-MAKLUMAT: RIBA MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM".

Screenshot 1: The title screen features a green background with falling leaves and a calculator. The title is displayed in large, bold, black font.

Screenshot 2: This screen displays three scenarios related to riba (usury). It includes a header: "CONTOH - CONTOH SITUASI YANG TERDAPAT DI DALAM RIBA JAHILIAH".

- Situasi 1:** A blue box contains text about a person borrowing from Fahrin and failing to repay it within 4 months, despite being able to do so.
- Situasi 2:** An orange box contains text about a person borrowing from a library and failing to return the book within the specified time.
- Situasi 3:** A pink box contains text about a person borrowing from a shopkeeper and failing to make full payment in installments.

This screenshot shows a section titled "UJI MINDA" (Mind Test) with a speech bubble containing the text: "Mohon berjasama untuk menjawab soalan ini selepas membaca e-maklumat. Terima kasih".

Below this is a "Quizizz" logo with cartoon characters. A small text at the bottom left says "Practice link Click the link to join now".

Produk inovasi e-maklumat (i-riba) mengikut perspektif Islam